

# Ezzyrider

## guna teknologi hijau

100 peratus menggunakan bateri yang dicas semula

CONNIE S MONICAL  
Foto AZMI ARYANTO

KLEV menjual produk Ezzyrider seperti skuter, kerusi roda, basikal dan motosikal yang mudah diandalkan.

Peralatan tersebut merupakan produk Ezzyrider paling maju secara teknikal di negara ini.

Peralatan Ezzyrider ini dilengkapi dengan teknologi canggih, bentuk ergonomik dan ciri-ciri keselamatan berdasarkan tahap piawaian tinggi ISO 9001 yang telah diiktiraf di negara-negara seperti Taiwan, Jepun, Eropah dan Amerika Syarikat.

KLEV ditubuhkan bertujuan mempertingkatkan motivasi dan komitmen dalam memberikan penyelesaian efektif dan efisien bagi membantu golongan kurang upaya (OKU) dan mereka yang tidak berkemampuan dari segi fizikal seperti warga emas agar dapat bergerak bebas dan berdikari.

Ezzyrider mampu dimiliki oleh semua golongan kerana KLEV menawarkan produk yang bermutu tinggi dengan harga yang berpatutan iaitu serendah RM3,000 sehingga RM7,000 mengikut jenis produk

Ezzyrider yang diinginkan pengguna.

Pengarah Eksekutif KLEV, Mustapha Kamal Zulkarnain berkata, Ezzyrider sesuai untuk diberikan kepada insan yang disayangi supaya mereka mampu berusaha sendiri tanpa dipimpin oleh individu lain.

"Selain itu, dengan adanya Ezzyrider dapat memudahkan mereka menjalankan aktiviti sendiri tanpa dipantau dan membuka peluang pekerjaan yang lebih luas



MUSTAPHA KAMAL ZULKARNAIN



Basikal E-Moped ini bukan sahaja sesuai untuk golongan OKU tetapi juga bagi mereka yang berkeupayaan untuk aktiviti harian.



Ezzyrider mudah dibuka dan dilipat untuk dimuatkan ke dalam kenderaan.



Mustapha menunjukkan cara melipat Ezzyrider.



### Active 2 TE-FS4

Active 2 TE-FS4 menggunakan bateri C-LifePO4 dan senang dilipat. Selain itu turut mempunyai bakul di hadapan yang boleh dilipatkan dan kerusi lebih selesa.

Boleh didapati dengan satu warna pilihan, iaitu merah berharga RM4,900.



### Sunrise ES - 16

Sunrise ES-16 adalah basikal elektrik yang menggunakan bateri. Pengguna boleh memilih untuk mengayuh ataupun menggunakan bateri. Sunrise ES-16 ini mampu bergerak dengan kelajuan 35 kilometer sejam. Boleh didapati dengan tiga warna pilihan iaitu merah, biru dan hitam.



kepada golongan OKU khasnya," katanya.

Produk Ezzyrider adalah mesra alam yang tidak memudaratkan kerana menggunakan 100 peratus bateri mesra alam dan hanya perlu dicas semula apabila habis.

"Produk kami menggunakan dua jenis bateri iaitu bateri C-LiFePO 4 dan Lead asid. Ketika membeli pengguna hanya perlu memilih salah satu bateri tersebut, namun harga C-LiFePO 4 lebih mahal.

"Bagaimanapun, antara kedua-dua produk tersebut bateri C-LiFePO 4 lebih tahan lama dan ringan berbanding lead asid," katanya sambil menunjukkan bateri berkenaan.

Menurutnya, Ezzyrider juga senang dan mudah digunakan oleh semua golongan mahupun OKU yang tidak mempunyai salah satu tangan atau kaki dan tidak boleh berjalan kerana Ezzyrider mampu berfungsi dengan hanya satu jari.

Apa yang menariknya, Ezzyrider ini bukan sahaja khas untuk golongan OKU, tetapi juga boleh digunakan oleh mereka yang mengalami kesukaran bergerak

bebas seperti warga tua dan pengguna lain yang inginkan kelainan dalam kehidupan serta kegunaan harian.

Ini kerana, di negara luar seperti Taiwan penduduknya menggunakan produk Ezzyrider tersebut sebagai salah satu pengangkutan, bukan sahaja oleh golongan OKU dan warga tua tetapi juga pengguna yang ingin membantu mengurangkan pencemaran alam sekitar.

Mustapha berkata, ketika ini, Ezzyrider mereka mempunyai tujuh produk yang berlainan keperluan dan kategori.

"Ia antaranya, E Moped, Active 1, Smooth, Dragon 1, Freedom, Sport 1, Sport 2, Grace 2, Dragon 2 dan Dragon 7.

"Ezzyrider ini mampu bergerak selaju 12 kilometer sejam, kira-kira sejauh 16 kilometer," katanya.

Menurut Mustapha, Ezzyrider yang ringan ini boleh dilipat atau dipisah untuk dimuatkan di dalam kenderaan dengan mudah.

Kesemua produk Ezzyrider ini juga boleh dibeli secara talian di [www.ezzyrider.com](http://www.ezzyrider.com).